



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN
Blok 2, Menara Seri Wilayah, Presint 2, 62100 Putrajaya
Tel: 03-8889 7888 Faks: 03-8889 7957
Laman web: www.kwp.gov.my

SIARAN MEDIA

UNTUK LIPUTAN MEDIA MASSA

WARGA LABUAN HADIRI RUMAH TERBUKA AIDILFITRI KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

LABUAN, 17 Julai 2017 - Warga Wilayah Persekutuan Labuan dari pelbagai lapisan masyarakat menghadiri Rumah Terbuka Aidilfitri Wilayah Persekutuan Labuan anjuran bersama Kementerian Wilayah Persekutuan dengan Perbadanan Labuan dan Yayasan Wilayah Persekutuan di Arena Bukit Kuda, Wilayah Persekutuan Labuan. Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, YB Dato' Dr. Loga Bala Mohan turut hadir bagi memeriahkan sambutan Rumah Terbuka Aidilfitri Wilayah Persekutuan Labuan bersama-sama Pengurusan Kementerian dan Perbadanan Labuan.

Majlis Rumah Terbuka Aidilfitri Wilayah Persekutuan Labuan yang berkonsepkan mesra dan merupakan program tahunan yang mendapat sambutan menggalakkan dari warga Wilayah Persekutuan Labuan khususnya dalam merasai nadi kemeriahan suasana sambutan Aidilfitri bersama-sama dengan pemimpin.

Penganjuran Rumah Terbuka Aidilfitri ini juga turut dilaksanakan secara kolaborasi menerusi konsep **program partners** antara pihak Kerajaan, Badan-badan Bukan Kerajaan (NGO) dan syarikat swasta dalam membantu menjimatkan kos penganjuran program. Perkongsian dari segi bajet makanan dan minuman secara tidak langsung dapat mempelbagaikan juadah seterusnya dapat berkongsi rezeki dengan rakyat.

Yayasan Wilayah Persekutuan selaku penganjur bersama turut menyumbangkan duit raya kepada 2,000 kanak-kanak yang hadir dengan anggaran keseluruhan sumbangan duit raya berjumlah RM40,000. Di samping sumbangan duit raya Yayasan Wilayah Persekutuan juga turut menyediakan juadah char kiew tiew dan satay kepada para tetamu yang hadir pada hari ini.

Antara organisasi yang menjadi rakan acara adalah Yayasan Wilayah Persekutuan, Aset Kayamas Sdn.Bhd, Labuan Liberty Port, Asian Supply Base, Tiara Labuan Hotel, Preston Shipyard, lazenda Hotel, Ganggarak Development, Teras Bina General Contractor, Hotel Aifa Labuan, Billion Waterfront Hotel, Yayasan Pembangunan Labuan, LDA Holding Sdn.Bhd, JJ Nazar Sdn.Bhd, dan Choice Catering Sdn.bhd.

Pendekatan ini merupakan salah satu inisiatif *Corporate Social Responsibility* mereka bagi program-program bersama komuniti yang seterusnya dapat meningkatkan reputasi serta imej organisasi tersebut sebagai organisasi yang prihatin.

Rumah Terbuka Aidilfitri merupakan salah satu landasan bagi mengerat silaturrahim serta *engagement* pihak Kementerian dengan komuniti Wilayah Persekutuan Labuan, NGO, organisasi-organisasi korporat dan penjawat-penjawat awam di Labuan. Secara tidak langsung program ini dapat mendekatkan pemimpin dengan rakyat dalam konsep yang santai dan mesra rakyat.

Amalan rumah terbuka adalah keunikan yang hanya ada di Malaysia dan tidak ada di negara lain. Tradisi ini perlu diteruskan dan perlu menjadi contoh kepada generasi baharu bahawa negara ini mempunyai cara tersendiri untuk memupuk perpaduan dan keharmonian antara kaum. Harapan Kementerian Wilayah Persekutuan agar amalan ini terus kekal di tengah modenisasi dan globalisasi yang ada kalanya boleh menghakis jati diri serta sifat kemasyarakatan.

Disediakan oleh:

**Bahagian Komunikasi Korporat
Kementerian Wilayah Persekutuan
Labuan, 17 Julai 2017**